



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1989**

---

PERAKUAN BAGI MAKSUD MENDAPATKAN PINJAMAN UNTUK MEMBELI  
KENDERAAN DARIPADA PEGAWAI YANG BERGAJI KURANG  
DARIPADA \$930/- SEBULAN

**1. TUJUAN**

1.1 Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk menurunkan kuasa memberi perakuan bagi maksud mendapatkan pinjaman membeli kenderaan daripada pegawai yang bergaji kurang daripada \$930/- sebulan daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Ketua Jabatan yang bererti Pegawai Pengawal satu-satu Kementerian atau Jabatan.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Pada masa ini, pegawai-pegawai yang bergaji kurang daripada \$930/- sebulan adalah layak dipertimbang dan diluluskan pinjaman membeli kenderaan dengan syarat Ketua Jabatan memperakukannya dan pegawai juga telah diberi kelulusan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam menuntut Elaun Hitungan Batu

Kelas C. Syarat-syarat ini adalah sebagaimana dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1980. Peraturan meluluskan elaun perjalanan kenderaan Kelas C bagi pegawai yang bergaji kurang daripada \$820 bulan (sebelum 1 Oktober 1988) juga telah diturunkan kuasa kepada Ketua-ketua Jabatan melalui [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1984](#). Walau bagaimanapun, mengikut perenggan 3.4, [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1984](#), kelulusan Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas C ini tidak ada kaitan atau boleh digunakan sebagai sokongan atau alasan untuk mendapatkan pinjaman membeli kenderaan.

2.2 Setelah dikaji, Kerajaan memutuskan supaya kuasa memberi perakuan bagi maksud mendapatkan pinjaman untuk membeli kenderaan bagi pegawai yang bergaji kurang daripada \$930/- sebulan diturunkan kuasa daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Ketua Jabatan. Dengan keputusan ini juga, peruntukkan di perenggan 3.4 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1984](#) adalah dipinda dan digantikan dengan peraturan-peraturan yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling ini.

### **3. KRITERIA UNTUK MENIMBANGKAN PERMOHONAN**

3.1 Ketua Jabatan bolehlah memperakukan dan memberi sokongan kepada Perbendaharaan ke atas permohonan untuk mendapatkan kemudahan pinjaman kenderaan Kerajaan daripada pegawai yang bergaji kurang daripada \$930/- sebulan apabila mereka benar-benar perlu menggunakan kereta sendiri semasa menjalankan tugas-tugas rasmi berasaskan kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Pegawai mempunyai lesen memandu yang sah;
- (ii) Pegawai melakukan perjalanan tugas rasminya melebihi 200 km. tiap-tiap

- bulan selama 3 bulan berturut-turut;
- (iii) Kenderaan Jabatan tidak dapat diperuntukkan kepada pegawai bagi kegunaannya ketika hendak menjalankan tugas rasmi;
- (iv) Pegawai berkemampuan membayar kembali pinjaman di dalam tempoh yang ditetapkan;
- (v) Melalui penggunaan keretanya sendiri pegawai boleh membantu meningkatkan lagi kelicinan pentadbiran dan urusan Jabatan; dan
- (vi) Pegawai telah diberi kelulusan oleh Ketua Jabatan bagi menuntut Elaun Hitungan Batu Kelas C;

*ataupun*

- (vii) Pegawai yang berkenaan telah disahkan oleh Lembaga Perubatan ([Perintah Am Bab "F"](#)) sebagai tidak boleh menunggang motosikal.

#### **4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**


4.1 Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk menggunakan panduan-panduan di atas di dalam menimbangkan satu-satu permohonan. Sebarang keraguan di dalam melaksanakan peraturan ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

#### **5. TARIKH KUATKUASA**

5.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ABDUL MALEK BIN ABDUL AZIZ)

*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

*Tarikh: 11 November, 1989.*

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.